

31 MEI 2006



EMPAT orang terkorban dalam kejadian tanah runtuh di Kampung Pasir, Hulu Klang.

6 DISEMBER 2008



LIMA orang terkorban dalam kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Mewah dan Taman Bukit Utama, Hulu Klang.

Tragedi tanah runtuh boleh berulang – Pakar

KOSMO 24/05/2010 (M/S 11)

Info

KRONOLOGI TANAH RUNTUH HULU KLANG

10 Disember 1985

Dua rumah dua tingkat yang belum diduduki di Taman Melawati, Hulu Klang runtuh.

17 September 1988

KUALA LUMPUR – Sebarang aktiviti pencerobohan hutan memberi kesan buruk kepada aliran air terutama di kawasan bukit seterusnya terdedah kepada risiko hakisan tanah.

Pakar geologi, Profesor Madya Datuk Dr. Mohd. Ali Hassan (**gambar kecil**) berkata, sekiranya hakisan tanah melibatkan aliran bawah tanah seperti kawasan sensitif di Hulu Klang, ia mungkin menyebabkan berulangnya kejadian tanah runtuh.



“Kita perlu bertanggungjawab dan mengambil iktibar daripada kejadian malang dan pengalaman yang dialami sebelum ini di Hulu Klang kerana sudah ramai manusia terkorban,” ujarnya ketika dihubungi semalam.

Dr. Mohd. Ali yang merupakan bekas Ketua Jabatan Geologi Universiti Malaya menyatakan demikian ketika diminta mengulas kebimbangan penduduk mengenai aktiviti penebangan di sebuah bukit berhampiran Taman Ukay Perdana di sini sehingga ia dikatakan rosak teruk.


Walaupun kejadian tanah runtuh merupakan satu bencana alam, tetapi Dr. Mohd. Ali berkata, ia sebenarnya berpunca daripada kecuaiannya dan angkara manusia sendiri yang membuat kerosakan kepada alam sekitar.

Justeru, katanya, pihak berkuasa perlu memantau aktiviti yang dilakukan serta mengadakan kajian terhadap kemungkinan risiko yang akan dihadapi penduduk kawasan berkenaan.

“Hujan yang kerap kebelakangan ini tidak mustahil akan menyebabkan berlakunya kejadian tanah runtuh terutamanya di kawasan Bukit Antarabangsa yang sememangnya berisiko tinggi.

“Tempat-tempat seperti ini seharusnya ada kawasan penampungan supaya tidak berlaku kecelakaan tanah runtuh,” ujarnya.

LOKASI HUTAN BERDEKATAN UKAY PERDANA, YANG DICEROBOH



20 NOVEMBER 2002



LAPAN orang terkorban apabila banglo dua tingkat milik bekas Panglima Angkatan Tentera, Jeneral (B) Tan Sri Ismail Omar di Taman Hillview, Ampang ranap dihempap tanah runtuh.

17 September 1988

Sebuah rumah di Hulu Klang ranap akibat tanah runtuh dan hakisan tanah.

29 Mac 1990

Tanah runtuh di Taman Setia Wangsa, Hulu Klang melibatkan 80 keluarga yang mendiami dua blok flat.

11 Disember 1993

Blok A daripada tiga blok kondominium 12 tingkat Highland Towers runtuh mengorbankan 48 penghuni.

25 Disember 1997

Runtuhan tanah dan timbunan sampah di Kilometer 17, Lebuhraya Ampang-Hulu Klang menyebabkan tiga orang terbunuh.

15 Mei 1999

Tanah runtuh berdekatan kondominium Athenaeum Tower, Bukit Antarabangsa, Hulu Klang.

5 Oktober 2000

Tanah runtuh di jalan masuk utama ke Bukit Antarabangsa.

20 November 2002

Tanah runtuh di Taman Hillview, Hulu Klang meranapkan banglo milik bekas Panglima Angkatan Tentera, Jeneral (B) Tan Sri Ismail Omar dan lapan orang penghuni terkorban.

31 Mei 2006

Tanah runtuh di Kampung Pasir, Hulu Klang memusnahkan 49 buah rumah dan empat orang terkorban.

23 April 2008

Tanah runtuh merosakkan empat buah kenderaan di tempat letak kereta Kondominium Wangsa Height 7, Bukit Antarabangsa.

6 Disember 2008

Sebanyak 14 buah banglo di Taman Bukit Mewah dan Taman Bukit Utama, Bukit Antarabangsa, Hulu Klang ranap akibat tanah runtuh mengorbankan lima orang.

